



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“KELUARGA MALAYSIA”

Tarikh Dibaca :

**25 MUHARRAM 1443H/
3 SEPTEMBER 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**“KELUARGA MALAYSIA”****25 MUHARRAM 1443H / 3 SEPTEMBER 2021**

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَنَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ

السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾ ﴿ الأعراف: ٩٦

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya ingin mengingatkan diri dan sidang jemaah sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya di samping berusaha mencari kehidupan yang diberkati dan diredhai oleh Allah SWT. Mudah-mudahan kita berjaya menjadi insan yang beruntung di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Keluarga Malaysia”**.

Mimbar juga ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah SWT agar diangkat segera wabak ini. Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian kerana ini antara ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Alhamdulillah. Marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat keamanan dan keharmonian yang dikurniakan oleh Allah SWT. YAB Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan sulung beliau pada 22 Ogos 2021, telah memperkenalkan konsep “Keluarga Malaysia”. Konsep Keluarga Malaysia ini dipilih kerana frasa ini yang bersifat inklusif. Konsep Keluarga Malaysia ini merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum. Konsep Keluarga Malaysia juga diambil kerana keutuhan negara terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga.

Kita semua diibaratkan sebagai satu keluarga tanpa mengira agama, bangsa dan kaum. Kehidupan kita saling melengkapi, umpama anggota tubuh yang saling memerlukan antara satu sama lain. Hal ini bertepatan juga dengan hadis Rasulullah SAW:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحِمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

Maksudnya: “Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat berkasih sayang, saling merahmati, dan saling membantu adalah seperti suatu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur dan juga menjadi demam”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Situasi pada hari ini menyaksikan kita semua diuji dengan pandemik Covid-19 yang belum reda. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi mengekang penularan wabak ini dan mengeluarkan negara dari kemelut pandemik Covid-19. Sesungguhnya usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan ini juga memerlukan kebersamaan dan kerjasama yang tinggi dari seluruh anggota Keluarga Malaysia. Allah SWT telah memerintahkan kita untuk saling menolong dalam melakukan kebaikan sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Maaidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ ٢

Maksudnya: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya”.

Rasulullah SAW juga telah menyeru agar umatnya sentiasa membantu dan memudahkan urusan orang lain kerana ganjarannya, Allah SWT akan mempermudah urusannya di hari akhirat kelak. Hal ini sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abi Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Sesiapa yang melepaskan saudara mukmin daripada kesusahan di dunia, maka Allah akan melepaskan kesusahannya pada hari kiamat”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Asas kesejahteraan dan keharmonian sesebuah negara terletak pada keimanan dan ketakwaan penduduknya. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf ayat 96 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan jika penduduk negeri beriman dan bertakwa, pasti Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan daripada langit dan bumi, tetapi ternyata mereka mendustakan (ayat-ayat Kami), maka kami seksa mereka sesuai dengan apa yang telah mereka lakukan”.

Ayat ini merupakan petunjuk bahawa masyarakat Muslim yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT serta meninggalkan kemungkaran menjadi faktor kepada keberkatan dan kesejahteraan sesebuah negara. Maka, berusaha kita untuk menjadi umat yang terbaik dan menjauhi sebarang bentuk kemungkaran.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Konsep Keluarga Malaysia ini juga bermatlamat menyeru semua pihak untuk sama-sama menggembeleng tenaga dalam usaha mencapai objektif utama Pelan Pemulihan Negara. Semua pihak perlu bersatu hati dan mengenyepikan sebarang perbezaan dalam memperbaiki, merawat dan memulihkan semula tanah air ini. Sememangnya manusia itu diciptakan dengan kepelbagaian dan perbezaan. Namun ia bukanlah alasan untuk kita berpecah-belah. Perbezaan itulah yang melengkapi antara satu sama lain. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

﴿يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ

أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتُمْ إِذَا أَنْتُمْ إِنْ اللَّهُ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara*

kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)".

Justeru, marilah kita semua tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan kaum serta perbezaan politik menumpukan sepenuh daya dan usaha kita memulihkan Negara dari belenggu pandemik Covid-19 ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Maka, setiap anggota Keluarga Malaysia perlu menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing bagi mengembalikan kesejahteraan dan keselesaan hidup yang pernah kita kecapai sebelum ini. Kebersamaan dan kerjasama seluruh anggota masyarakat juga amat ditagih dalam usaha mengeluarkan Malaysia daripada kemelut pandemik Covid-19 dengan selamat. Sama-samalah kita berusaha dan berikhtiar, serta berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT agar usaha dan perancangan kita ini mendapat kejayaan. Insya-Allah. Mengakhiri khutbah pada minggu ini, khatib ingin merumuskan beberapa intipati penting iaitu;

Pertama: Konsep Keluarga Malaysia merupakan suatu konsep yang merentasi batas sempadan agama, bangsa dan kaum.

Kedua: Segala usaha dan perancangan yang dibuat oleh kerajaan dalam matlamat mengeluarkan Malaysia dari kemelut pandemik Covid-19 memerlukan kebersamaan dan kerjasama yang tinggi dari seluruh anggota Keluarga Malaysia.

Ketiga: Segala perbezaan mesti dihadapi dengan rasional dan dalam situasi sukar ketika ini, perlunya setiap anggota Keluarga Malaysia untuk bersatu hati dan bersama-sama memulihkan negara dari krisis kesihatan dan ekonomi.

Untuk mencapai kejayaan, renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ

إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sesetengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قَدُوْكَ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتُوَانِ اَكُوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي بِيغِ مَهَا مُولِيَا سِرِي قُدُوكِ بِكِينِدَا رَاكِجِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغِ،
 تُونكو (Tunku) حَاكِجِه عَزِيْزَةٌ اَمِيْنَةٌ مِيْمُوْنَةٌ اِسْكَندَرِيَّةٌ بِنْتُ المَرْحُوْمِ المِتُوَكَّلِ عَلٰى
 اللّٰهُ سُلْطَانِ اِسْكَندَرَ الحَاكِجِ.

اللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهٗ وَرَعَايَاهُ مِنَ المُؤْمِنِيْنَ وَالمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَا لِيْزِيَا اَمِيْنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ المُسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزِّ اِلِسْلَامَ وَالمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،
 وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ المُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِيْ كَلِمَتِكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

اللّٰهُمَّ اِدْفَعْ عَنَّا البَلَاءَ وَالعِلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالفَحْشَاءَ وَالمُنْكَرَ وَالمُحْنَ وَالفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ المُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ .
 اللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ البَرَصِ، وَالجُنُوْنِ، وَالجُدَامِ، وَمِنْ سِيِّئِ الْاَسْقَامِ، يَا اَرْحَمَ
 الرَّاحِمِيْنَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا اٰتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
 عِبَادَ اللّٰهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.